

Pertahanan semangat kebangsaan: Dr M

DI 28 SEP 1985

KUALA LUMPUR, Jumaat

SEMANGAT kebangsaan adalah untuk mendorong orang Melayu menjadi bangsa yang bermaruah, dihormati dan disegani, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semangat kebangsaan bukan untuk mendabik dada, bermegah-megah, sombong atau memandang hina orang lain. Inilah kebangsaan yang dimaksudkan oleh Umno apabila kita memilih nama bagi parti kita dan menentukan perjuangan kita.

"Masyarakat Islam di sesuatu tempat dan ne-

gara perlu berdiri atas kaki sendiri. Sebab itu, walaupun kita bersimpati dengan pejuang Mujahidin Afghanistan, peperangan untuk membebaskan negara itu bergantung atas usaha mereka sendiri.

"Untuk menentukan mereka bersemangat berperang membebaskan negara sendiri, perasaan cinta dan kasih kepada negara mereka, cinta dan kasih yang tidak kenal takut dan mati, mestilah tertanam di sanubari orang Afghan sendiri.

"Perasaan inilah yang dikatakan perasaan kebangsaan atau nasionalisme, dan semangat yang lahir daripadanya ialah semangat kebangsaan. Walaupun simpati umat Islam keseluruhannya penting, yang menentukan perjuangan pembebasan Afghanistan ialah semangat kebangsaan orang Afghan."

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Umno, di sini hari ini, Perdana Menteri yang juga Presiden parti itu, berkata, sebagai pertubuhan kebangsaan Melayu, Umno tidak ragu dengan keislamannya.

"Umno akan terus berpegang kepada semangat ke-

bangsaan, kerana semangat kebangsaan dalam Umno adalah sama dengan semangat kebangsaan yang diperlihatkan oleh Mujahidin Afghanistan.

"Kita akan terus mempertahankan kedudukan istimewa orang Melayu dan tidak akan mengabaikan tanggungjawab kita semata-mata untuk mendapatkan undi. Mereka yang cuba berbuat demikian adalah menderhaka kepada orang Melayu dan mengkhianati Islam."

Menjual bangsa

Mengenai tuduhan bahawa semangat nasionalisme itu assabiyah, Perdana Menteri menjelaskan, assabiyah atau mazhabiah adalah permusuhan antara dua kumpulan atau negara Islam, yang membela-kangkan Islam kerana terlalu taksuf dan taat kepada kumpulan atau negara mereka.

"Umno adalah golongan orang Melayu yang bersemangat kebangsaan, tetapi kita tidak membela-kangkan Islam. Semangat kebangsaan memberi kekuatan kepada perjuangan Islam dan persaudaraan dalam Islam.

"Undi memang penting kepada politik demokrasi, tetapi janganlah kerana undi kita sanggup menjual bangsa dan keturunan kita. Jangan kita memutarbelitkan tafsiran agama untuk kepentingan pilihanraya seperti yang dibuat oleh satu kumpulan yang kononnya berpegang kepada ajaran Islam.

"Sebaliknya kita harus menebalkan lagi semangat kebangsaan kita. Untuk itu, kita harus menentukan bahawa kebolehan dan keupayaan kita adalah sama dengan kaum lain di negara ini.

"Tak akan Melayu hilang di dunia. Tetapi Melayu jenis apakah yang harus kekal? Melayu yang mulia atau Melayu yang menjadi hamba kepada orang lain, yang selalu meminta-minta, yang lemah semangat dan yang tidak berupaya mempertahankan diri?

"Jika kita mahu Melayu yang mulia dan berkemampuan, ubahlah sikap dan perkukuhkan semangat, insya-Allah kita akan menjadi Melayu yang mulia," katanya.

Sehubungan ini, Perdana Menteri menegaskan bahawa nasib orang Melayu dan agama Islam akan menjadi buruk jika Umno hancur.

"Umno tidak akan hancur kerana serangan musuh tetapi Umno boleh hancur kerana pecah belah dalam parti, kerana sengketa antara ahli-ahli Umno. Ingatlah, rebutan takhta negeri-negeri Melayu oleh kerabat diraja Melayu, menyebabkan negara kita dijajah lebih 400 tahun. Yang tamak akan kehilangan semua akhirnya," tegasnya.